



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

KEPELBAGAIAN BIOLOGI MEMBINA MALAYSIA MADANI

Saya telah mewakili Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasmikan Persidangan Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2023 dan melancarkan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030 (DKBK 2022-2030) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

Persidangan dengan tema 'Kepelbagaian Biologi Membina Malaysia Madani' melibatkan peserta di peringkat Persekutuan dan Negeri, penyelidik, ahli akademik, pihak swasta, badan bukan kerajaan dan komuniti bagi membincangkan isu, cabaran serta strategi pengurusan kepelbagaian biologi negara. Ia memberi fokus kepada keperluan untuk mengukuhkan pemuliharaan kepelbagaian biologi melalui pelaksanaan akses kepada sumber biologi dan perkongsian faedah, pengurusan ekosistem gambut mampan dan perhutanan sosial.

Sebagai salah satu daripada 17 buah negara yang paling kaya dengan kepelbagaian biologi, Kerajaan telah pun melakukan intervensi serta mengambil langkah transformatif untuk memelihara dan memulihara kepelbagaian biologi.

Bagi Belanjawan 2024, pengurusan biodiversiti dan hutan telah diperuntukkan sejumlah RM421 juta bagi. Di samping itu, sebanyak RM1.27 billion juga telah diperuntukkan untuk inisiatif nasional bagi pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah biodiversiti iaitu insentif kewangan bagi konservasi biodiversiti dan hutan (Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT), Program Rondaan dan Perlindungan Biodiversiti (Biodiversity Protection and Patrolling Programme - BP3) dan penerbitan sukuk biodiversiti.

DKBK 2022-2030 yang dilancarkan pada hari ini pula adalah hasil semakan semula DKBK 2016-2025 dengan mengambil kira keperluan semasa di peringkat kebangsaan dan kerangka kepelbagaian biologi antarabangsa iaitu Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework berdasarkan keadaan, keutamaan dan keupayaan negara (national

circumstances). DKBK 2022-2030 menyediakan panduan dan rangka kerja bagi pengurusan biodiversiti di peringkat kebangsaan. Ia mengandungi 5 matlamat utama, 17 sasaran, 61 tindakan dan 61 indikator pencapaian utama (key indicators) yang boleh diukur bagi memantau pelaksanaannya.

Saya mengucapkan tahniah atas inisiatif yang telah dilaksanakan kerana Malaysia menjadi negara ASEAN pertama yang berjaya melaksanakan semakan semula ke atas dasar kepelbagaian biologi peringkat kebangsaan dan mengintegrasikannya dengan kerangka kepelbagaian biologi peringkat antarabangsa.

Kerajaan bertekad untuk mengukuhkan agenda pemuliharaan biodiversiti di negara ini melalui usaha mengarusperdana (mainstreaming) pengurusan kepelbagaian biologi dalam pembangunan negara; mengukuhkan kerangka institusi bagi pengurusan kepelbagaian biologi peringkat kebangsaan; dan menggiatkan penglibatan orang asli/orang asal dan komuniti setempat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan. Ketiga-tiga perkara ini adalah selari dengan dasar rukun MADANI ke arah mewujudkan Malaysia yang mampan, ihsan dan sejahtera.

Kepelbagaian biologi merupakan khazanah negara yang sangat berharga dan memulihara kepelbagaian biologi adalah tanggungjawab kita bersama. Berbekalkan komitmen dan iltizam yang tinggi, saya yakin kita dapat menjalankan amanah bagi memulihara aset semula jadi kita demi kesejahteraan generasi masa kini dan masa depan.

YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
24 OKTOBER 2023

